

## Glosari\*

*Ahadiyah* – keadaan Tuhan secara mutlak; keesaan-Nya yang sesuai dengan keadaan-Nya, bukan kesatuan (KIT: 1)

*Ahli kasyaf* – orang-orang saleh yang selalu ingat kepada Allah yang oleh kerananya mereka dianugerahi ilmu sehingga mereka dapat melihat dengan nyata atau memastikan keadaan sesuatu atau sesuatu yang ghaib yang orang lain tidak dapat melihatnya (KIT: 1-2)

*Alam* – segala sesuatu atau segala makhluk selain Allah (KIT: 2)

*Alam ajsam* – gambaran bentuk insan dan makhluk lainnya; keadaannya sudah berwujud mempunyai sifat, bentuk, warna, serta sudah dikenal secara lahir mahupun batin (KIT: 2)

*Alam arwah* – alam ruh; tingkatan kejadian makhluk yang keadaannya sudah mawjud atau sudah dalam bentuk arwah yang sudah mempunyai sifat-sifat yang sudah tertentu, tetapi belum mempunyai bentuk dan warna serta belum bisa dikenal baik secara lahir mahupun batin (KIT: 2)

*Alam mithāl* – insan dan makhluk lainnya di alam ini merupakan gambaran atau bayangan dari bentuk yang sebenarnya yang terdapat pada alam asalnya atau azali (KIT: 2)

*Al-Baqā'* (maqam baqā') – tahap pencapaian yang diperoleh oleh orang sufi setelah berjaya sepenuhnya dalam pembersihan diri daripada sifat-sifat maddi, fanā' dan kekal bersama Allah (GIUF: 46)

*Al-dhawq* (rasaan rohani) – pencapaian ma'rifat ketuhanan seseorang sufi menerusi rasaaan rohani tanpa usaha ( GIUF: 114)

*Al-Isyrāq* – ilmu yang didapati terus daripada Allah melalui amalan atau riyadah tasawwuf (GIUF: 25)

*Al-syuhūd al-khayālī* (syuhud imaginasi) – syuhud khayalan yang dicapai oleh seseorang sufi melalui imaginasinya (GIUF: 147)

*Al-taraqqi* (peningkatan rohani) – usaha orang sufi ke arah meningkatkan kerohaniannya kepada satu tahap sama ada dalam ahwal atau ma'rifat ( GIUF : 58-59)

---

\* Glosari dipetik daripada buku "Glosari Istilah Usuluddin dan Falsafah" 1993. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (ditulis GIUF); Ramli Harun *et.al* 1990. *Kamus Isatilah Tasawuf*. Jakarta : LPBES (ditulis KIT).

*Fanā'* – lenyapnya sifat-sifat diri sebagai manusia dengan menanamkan sifat-sifat Tuhan pada dirinya melalui istighrak kepada-Nya (KIT: 6)

*Fanā' al-fanā'* – hilang perbezaan di antara sifat-sifat makhluk dan ketuhanan kerana kesebatian di antara keduanya (GIUF: 192)

*Hal* – suatu pengertian tentang sifat yang merasuk ke dalam hati tanpa diusahakan seperti rasa gembira, sempit, dan luas; hal menjadi hilang kerana munculnya sifat-sifat nafsu, sekalipun diiringi perumpamaan terlebih dahulu; hal yang berlangsung terus-menerus dinamakan maqam; hal merupakan anugerah sedangkan maqam datang dengan mengerahkan kemampuan; yang termasuk hal antara lain ialah *muraqabah, qurub, hubb, khawf, rajā', unus, tuma'ninah, tawakal* dan *rida*; bentuk jamaknya ialah ahwal (KIT: 11)

*Hudur* – ingatan yang terus-menerus kepada Allah; jika mampu menghilangkan ingatannya kepada segala hal, kecuali kepada Allah, dinamakan *ghaibah*, (KIT: 12)

*Hulul* – (i) Terwujudnya hubungan yang seerat-eratnya antara diri seseorang dan Tuhannya dengan segala kenikmatan yang dapat dirasakan; (ii) Turunnya Tuhan ke dalam diri manusia; persatuan antara jiwa manusia dan zat Tuhan; Tuhan bertempat dalam diri manusia (KIT: 12)

*Isyrāqi* – Aliran yang terpengaruh dengan fahaman Neoplatonisme seperti aliran falsafah Ibn Sina dan aliran tasawuf Suhrawardi al-Maqtūl (GIUF : 52)

*Ittiḥād* – (i) Satu tingkatan dalam tasawuf yang menyebabkan diri seseorang telah menjadi satu dengan sifat-sifat Allah; hidupnya diwarnai dengan keutamaan kerana telah sampai pada puncak nilai insan kamil, menikmati kebahagiaan di sisi Allah dan dilebihkan dengan ilmu laduni yang terjelma dalam wahyu; dirinya semata-mata kerana Allah, kepada Allah, dan suci sesuatu selain Allah. (ii) Wujud segala yang ada ini menunjukkan hanya satu al-Haq mutlak; semua yang ada merupakan kesatuan di tangan al-Haq iaitu adanya dan lenyapnya segala yang ada ini kerana Dia. (KIT: 17)

*Ittiḥād al-'ām al-mutlaq* (kesatuan sehati) – kesatuan dua unsur secara mutlak yang tidak dipisahkan (GIUF : 3)

*Ittiḥādiyah* – suatu fahaman dalam bidang tasawuf iaitu kesatuan di antara Allah dengan makhluk (GIUF : 3)

*Kasyaf* – terbukanya mata hati seseorang atas sesuatu yang ghaib kerana telah terbuka kepada dirinya tabir rahsia Allah dengan fanā' dari segala sesuatu selain Allah, seseorang akan mengetahui bahawa semua yang ada itu akan masuk ke dalam cahaya kebenaran Allah (KIT: 20)

*Kasyaf diri* (al-kasyf al-nafs) – suatu pengetahuan yang berhubungan dengan diri seseorang atau sesuatu yang lahiriah; dengan ilmu yakin seseorang dapat kasyaf dirinya (KIT: 20)

*Kasyaf kalbu* – suatu pengetahuan yang berhubungan dengan nilai batin; dengan ainul yakin seseorang dapat mengetahui kasyaf hatinya. (KIT: 20)

*Kasyaf sir* – bagian hati yang paling dalam yaitu suatu pengetahuan yang berhubungan dengan hak Allah Ta'ala; dengan haqq al-yakin seseorang dapat mengetahui hakikat dirinya atau hakikat sesuatu (KIT: 20)

*Maqam ihsan* – peringkat pencapaian ahli sufi yang sufi merasakan segala gerak-geriknya dalam pemerhatian Allah (GIUF: 4)

*Maqam musyāhadah* – peringkat menyaksikan hakikat ketuhanan dengan mata hati seolah-olah melihat dengan mata kasar (GIUF: 227)

*Maqam wisal / wusul* – kesampaian seseorang sufi atau salik kepada apa yang dicita-citakan (al-Haq) setelah dibukakan hijab kepadanya (GIUF: 278)

*Mujāhadah* – (i) Maqam mujāhadah : Tahap atau peringkat menahan diri zahir dan batin daripada kehendak hawa nafsu untuk mencapai kesempurnaan rohani dan juga keredaan Allah. (ii) Mujāhadah: Amalan menahan diri zahir dan batin daripada kehendak hawa nafsu untuk mencapai keredaan Tuhan (Allah) (GIUF: 232-33)

*Murīd* – seseorang yang telah mula menceburkan dirinya dalam sesuatu tarekat tertentu dan diperakui oleh syekh atau mursyid tentang kebenaran kehendak dan azamnya (GIUF: 240)

*Musyāhadah* – penyaksian kepada Yang Maha Haq dengan mata hati seolah-olah melihat dengan mata kasar (GIUF: )

*Nafs* – daya hidup yang terdapat dalam diri seseorang bagi membolehkannya merasa dan bertindak mengikut iradahnya (GIUF: 227)

*Nafsu amarah* – nafsu yang mendorong manusia ke arah keseronokan syahwat dan melakukan kejahatan (GIUF: 265)

*Nafsu lawwamah* – nafsu yang kembali kepada kebaikan dan mencela kejahatan serta mencela dirinya sewaktu melakukan kejahatan (GIUF: 266 – 67)

*Nafsu mardiyah* – nafsu yang telah diredai oleh Allah dan mendapat petunjuk daripadanya untuk disebarkan kepada makhluk-makhluk lain (GIUF: 267)

*Nafsu mulhimmah* – nafsu yang mendapat ilham daripada Allah s.w.t untuk melakukan kebaikan (GIUF: 267)

*Nafsu mutmainnah* – nafsu yang bersih daripada sifat-sifat yang dicela dan bersifat dengan sifat mulia serta senantiasa melakukan kebaikan dan terus meningkat ke mercu alam (GIUF: 267)

*Nafsu radiyah* – nafsu yang menumpu dan menghadap semata-mata kepada Allah (GIUF: 266)

*Nafsu safiyah / kamil* – nafsu yang tertinggi dan sempurna yang kekal berada bersama-sama Allah. Nafsu ini hanya dimiliki oleh para wali tertinggi (GIUF: 266)

*Nafsu wāhidah* – nafsu tunggal yang lahir [daripadanya] nafsu-nafsu yang banyak (GIUF: 267)

*Syeikh* – (i) Orang yang telah sampai pada peringkat yang membolehkannya mengendalikan pengajaran dan membuat arahan kepada muridnya; (ii) Orang yang telah menyempurnakan ilmu syariat, tariqat, dan hakikat. (GIUF: 148)

*Syuhud* – penyaksian ahli sufi kepada Allah menerusi rasa-rohani setelah menghilangkan sifat kemanusiaan (tabii) yang ada padanya. (GIUF: 147)

*Syuhud hati* (al-syuhūd bi al-qalb) – penyaksian rohani yang dicapai oleh orang sufi melalui hatinya (GIUF: 147)

*Syuhud mufassal* – penyaksian rohani terhadap keesaan Allah melalui berbilang wujud (GIUF: 147)

*Syuhud mujmal* – penyaksian rohani terhadap berbilang wujud menerusi keesaan Allah (GIUF: 147)

*Tajalli* - terbuka atau tersingkap hati seseorang untuk menerima hakikat ketuhanan (GIUF: 57).

*Waham* – imaginasi secara melulu yang menjadi hijab untuk mencapai hakikat (GIUF : 284)

*Wahdat al-Syuhud* – kesatuan wujud dalam penyaksian (syuhūd) sufi (GIUF : 271)

*Wahdat al-wujud* - fahaman ahli sufi yang menyatakan bahawa hakikat kewujudan itu adalah satu (GIUF : 271)

*Wahidiyah* – kewujudan mujarrad mutlak yang dilimpahi oleh kewujudan mutlak tersendiri yang mempunyai potens untuk melimpahkan unsur-unsur alam bawahan dan akan membentuk jenis-jenis kejadian (GIUF : 272)

*Wajd* – kekhusyukan rohani ketika menyaksikan keagungan rahsia yang boleh menghasilkan kegembiraan atau kedukaan (GIUF : 275)

*Wāsil* – Orang sufi yang sampai kepada peringkat kesempurnaan dalam salik (GIUE : 274)

*Wasilah* – jalan dan amalan yang boleh menghampirkan diri kepada Allah (GIUF : 278)

*Zikir* – mengingat dan menyebut nama Allah untuk keluar daripada kealpaan kerana didorong oleh perasaan takut dan cinta kepada Allah (GIUF : 113-14)

*Zikir al-qalb* (zikir hati) – zikir bagi golongan khawas yang hatinya semata-mata kepada kekasihnya [Allah] (GIUF: 112)

*Zikir lisan* – ingat dan sebut nama Allah yang timbul daripada hati, disebut dengan lidah dan dapat didengari oleh telinga (GIUF: 113)

*Zikir sir* – zikir golongan khawas al-khawas yang sampai ke tahap lupa dirinya dan kekal dalam hakikat kekasihnya (Allah) (GIUF: 112)